

Pertumbuhan ekonomi dinikmati jika masyarakat celik kewangan

Usaha tingkat literasi kewangan seiring aspirasi negara banteras rasuah, lahir generasi berilmu

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Celik kewangan perlu dijadikan teras dalam pembangunan masyarakat bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dirasai semua lapisan rakyat dan tidak hanya dinikmati golongan elit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pengalamannya pada era 1990-an membuktikan betapa rendahnya tahap kefahaman masyarakat mengenai kewangan dan pelaburan, walaupun sistem ketika itu dilihat canggih.

"Ketika saya menjadi Menteri Kewangan (mulai 1991), kajian di London Stock Exchange mendapati tahap literasi kewangan (masyarakat) amat rendah.

"Ramai melihat pasaran saham seperti kasino, membuat keputusan tanpa asas ilmu, angka atau data. Inilah yang menyebabkan wujudnya sifat mudah terpedaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Strategi Literasi Kewangan

Kebangsaan Malaysia 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025 di Sasana Kijang, di sini, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Mohammad Faiz Azmi.

Anwar berkata, walaupun struktur kewangan negara kini lebih kukuh dan meyakinkan, cabaran utama yang perlu ditangani ialah memastikan kefahaman kewangan meluas kepada semua golongan, termasuk masyarakat luar bandar dan berpendapatan rendah.

"Kita tidak mahu hanya kelompok kecil yang mendapat manfaat. Peranan institusi kewangan mesti menjangkau ke dusun dan kampung untuk menyampaikan ilmu serta kefahaman kepada rakyat," katanya.

Permulaan pemikiran kritis

Beliau berkata, pemikiran kritis bermula daripada literasi kewangan penting dalam membina masyarakat yang lebih matang, sekali gus mengelak konflik kaum, agama dan wilayah akibat kedangkalan ilmu.

"Negara boleh membangun, tetapi tanpa kefahaman yang mendalam akan timbul masalah. Kefahaman sejarah, budaya dan prinsip penyatuan rakyat tidak boleh dangkal kerana kedangkalan inilah yang mendorong manusia bertelagah," katanya.

Anwar turut mengingatkan si-



Anwar bersama Fadhlina dan Abdul Rasheed (dua dari kanan) pada majlis pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 2026-2030 dan Bulan Literasi Kewangan 2025 di Sasana Kijang, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

fat mudah terpedaya rakyat terhadap skim cepat kaya dan penipuan kewangan masih membimbangkan.

Katanya, ada individu berpendidikan tinggi juga terjebak, sekali gus menunjukkan keperluan literasi khusus dalam kewangan.

"Banyak kes kerugian mencecah ratusan ribu ringgit, malah di rantau ASEAN jumlahnya berbilion. Mereka mungkin celik, tetapi 'rabun'. Ada pengetahuan asas, tetapi tidak mendalam," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa institusi kewangan supaya mengambil tanggungjawab sosial lebih besar dengan mendekati sekolah, masjid dan masyarakat setempat bagi menyampaikan ilmu kewangan secara praktikal,

"Tidak semua boleh diserahkan kepada sekolah kerana kurikulum sudah padat. Bank-bank yang ada cawangan di seluruh negara wajar turun padang untuk mendidik anak-anak kita mengenai amanah, integriti dan ri-

siko kewangan.

"Usaha meningkatkan literasi kewangan ini seiring dengan aspirasi negara untuk membantaras rasuah serta melahirkan generasi berilmu, beramanah dan mampu mengurus sumber secara berhemah.

"Kalau kita benar-benar mahu Malaysia berjaya, kita mesti bekerja lebih keras, memastikan tiada masyarakat yang terpinggir. Dengan khazanah dan tenaga yang ada, saya yakin kita mampu menjayakannya," katanya.